

21 OCT 1997

PANDANGAN SEORANG PENIAGA MENGENAI KRISIS KEWANGAN

Oleh: Abdul Rahman Ahmad

KUALA LUMPUR, 21 Okt (Bernama) -- Tan Sri Lee Kim Yew, pengarah urusan kumpulan harta Country Heights, hari ini memberikan pandangna seorang peniaga mengenai bagaimana menangani kegawatan kewangan sekarang: uruskan syarikat kamu dengan baik.

"Jika kamu tidak uruskan dengan baik, kamu akan kalah. Saya sendiri beritahu pekerja supaya bekerja lebih kuat. Ini (krisis) adalah satu cabaran. Kita pernah alami masa yang sukar, dan kita berjaya," katanya di dalam satu wawancara, semasa kumpulan itu menyediakan hotelnya Palace of the Golden Horses Hotel untuk mesyuarat Isnin depan Kumpulan 15 negara-negara membangun.

Hotel RM250 juta itu, yang dibuka baru-baru ini, adalah tarikan utama di dalam pembangunan Mines Resort RM1 bilion dekat sini.

Pihak pengurusan syarikat patut berkomunikasi dengan lebih banyak dengan kakitangan mereka terutamanya dalam waktu-waktu sukar, kata Lee.

Belanjwaan negara yang dibentangkan Jumaat lalu, tambah beliau, adalah satu cara untuk menguruskan negara supaya terlepas daripada kesukarannya.

"Ini adalah waktu sukar. Kamu terpaksa menanggung kesakitan (singkat) tidak sebaliknya tempoh kesakitan lebih lama," katanya.

Lee berkata beliau percaya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad adalah seorang yang boleh dipercayai. "Saya percaya kita mempunyai kerajaan yang baik dan mereka tahu bagaimana menguruskna ekonomi (kerana) ia sebenarnya mahu membantu rakyat."

Seluruh dunia, katanya, kini melihat kepada Malaysia. Ia telah membuktikan keupayaannya sebagai negara sedang menuju perindustrian, misalnya, menjadi pengeksport terbesar penyaman udara dan semikonduktor.

"Sekarang, negara ini sedang menumpukan kepada teknologi. Kita mahu membuktikan kepada dunia bahawa kita boleh melakukannya." -- BERNAMA

ARA OS